



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : PERANCANGAN SUMBER MANUSIA
KOD KURSUS : DSM2093
PEPERIKSAAN : APRIL 2018
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (40 Markah)
BAHAGIAN C (40 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 10 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab SEMUA dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan pengurus lini?
 - A Pengurus membantu Jabatan Sumber Manusia.
 - B Pengurus bekerja ke arah matlamat organisasi.
 - C Pengurus menasihati dan membantu pengurus kakitangan.
 - D Pengurus mempunyai kuasa yang pelbagai dan tidak bergantung pada carta organisasi.

2. Apakah definisi perancangan tenaga kerja?
 - A Proses mengkaji pekerjaan bagi mengenalpasti kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan kerja.
 - B Proses menyediakan dokumen yang mengandungi kelayakan minima pekerja untuk melaksanakan pekerjaan.
 - C Proses membuat keputusan berkenaan jawatan apa yang perlu diisi dan bagaimana untuk mengisi jawatan tersebut.
 - D Proses berterusan yang menghubungkan keperluan tenaga kerja dengan rancangan kewangan organisasi dalam tempoh tertentu.

3. Antara berikut, yang manakah merupakan fungsi inventori kemahiran?
 - A Menentukan jenis temuduga pekerja.
 - B Menentukan jenis ujian pemilihan pekerja.
 - C Menentukan tindakan tatatertib bagi salah laku pekerja.
 - D Menentukan pekerja yang layak untuk kenaikan pangkat.

4. Manakah antara berikut **salah** mengenai inventori kemahiran secara berkomputer?
 - A Melibatkan kos yang banyak.
 - B Digunakan oleh organisasi kecil.
 - C Digunakan oleh organisasi besar.
 - D Data pekerja dikumpulkan di dalam sistem perisian.

5. Pilih kenyataan yang **salah** mengenai penggunaan carta penggantian.
- A Digunakan bagi jawatan rendah.
 - B Digunakan bagi jawatan tertinggi.
 - C Menunjukkan prestasi masa kini pekerja.
 - D Menunjukkan laluan kenaikan pangkat pekerja.
6. Apakah contoh sumber dalaman bagi penawaran tenaga kerja?
- A Penganggur.
 - B Pekerja dari agensi rekrut.
 - C Pekerja sedia ada organisasi.
 - D Graduan yang baru tamat pengajian.
7. Mengapakah organisasi perlu membuat ramalan penawaran sumber manusia?
- A Untuk mengekalkan *overstaffing*.
 - B Untuk mengekalkan *understaffing*.
 - C Untuk mengekalkan keuntungan syarikat.
 - D Untuk mengekalkan sejarah kadar pusing ganti yang tinggi.
8. Mengapakah bekalan tenaga kerja perlu didapatkan dari luar organisasi?
- A Keuntungan syarikat terjamin.
 - B Persaingan pekerja berkemahiran.
 - C Mempercepatkan proses merekrut.
 - D Menjimatkan kos perbelanjaan pampasan.

9.

- Mengurangkan kos pampasan dan faedah.
- Mempunyai fleksibiliti jadual kerja yang lebih banyak.
- Menarik minat tenaga kerja dari segmen demografi.

Pernyataan 1

Pernyataan 1 merujuk kepada

- A kelebihan pengambilan pekerja tetap.
- B garis panduan pengambilan pekerja tetap.
- C kelebihan pengambilan pekerja sementara.
- D garis panduan pengambilan pekerja sementara.

10. Berapakah kadar bayaran bagi pekerja yang bekerja lebih masa pada hari bekerja biasa?

- A 1.5 x kadar gaji sejam biasa.
- B 2.0 x kadar gaji sejam biasa.
- C 2.5 x kadar gaji sejam biasa.
- D 3.0 x kadar gaji sejam biasa.

11.

- Aliran kerja dari satu individu kepada individu yang lain.
- Seseorang individu bergantung kepada kerja individu sebelumnya.

Pernyataan 2

Apakah contoh pekerjaan bagi jenis tugas di pernyataan 2?

- A Pekerja operasi.
- B Pegawai pinjaman bank.
- C Rakan pasukan bola sepak.
- D Anggota bomba dan penyelamat.

12. Pilih kenyataan yang **benar** mengenai penyumberan luar.
- A Melibatkan kos merekrut yang paling murah.
 - B Memudahkan fungsi merekrut dan memilih pekerja.
 - C Menggunakan khidmat pekerja di dalam organisasi.
 - D Fungsi merekrut dan memilih pekerja dilaksanakan oleh organisasi.
13. Apakah fungsi *resume*?
- A Memberikan maklumat yang ringkas dan padat.
 - B Menyediakan gambaran ringkas mengenai kerjaya pemohon.
 - C Memastikan maklumat pemohon adalah lengkap dan seragam.
 - D Memberikan maklumat yang maksima serta relevan untuk sesebuah pekerjaan yang dipohon.
14. Berikut merupakan penama rujukan di dalam *resume* **kecuali**
- A Majikan semasa.
 - B Majikan terdahulu.
 - C Majikan masa kini.
 - D Majikan akan datang.
15. Antara berikut, yang manakah menunjukkan temuduga tingkah laku?
- A Melibatkan kos yang rendah.
 - B Mengandungi aktiviti berkumpulan.
 - C Mengandungi aktiviti berpasangan.
 - D Mengandungi situasi dan tindakan.
16. Mengapakah temuduga berkumpulan tidak begitu efektif berbanding temuduga secara individu?
- A Melibatkan kos yang tinggi.
 - B Menggunakan masa yang banyak.
 - C Mewujudkan suasana kurang peribadi.
 - D Calon berpeluang menunjukkan kemahiran berkomunikasi.

17. Apakah ciri-ciri temuduga berstruktur?
- A Mengikut set protokol.
 - B Sukar untuk dikendalikan.
 - C Temuduga secara spontan.
 - D Sukar membandingkan tindak balas pemohon.
18. Sesetengah pekerjaan memerlukan temuduga tidak berstruktur. Mengapakah temuduga tidak berstruktur tidak digemari oleh pekerja?
- A Soalan yang ditanya tidak dirancang.
 - B Topik yang dibincangkan adalah sama.
 - C Melibatkan set soalan temuduga yang berformat.
 - D Jawapan yang dihasilkan oleh calon adalah lebih kurang sama.
19. Berikut merupakan sebab calon menjalani pemeriksaan kesihatan **kecuali**
- A mengurangkan kos perubatan organisasi.
 - B mewujudkan rekod dan asas kesihatan pemohon.
 - C memastikan pemohon memenuhi syarat fizikal jawatan.
 - D mengesan penyakit berjangkit yang tidak diketahui oleh pemohon.
20. Apakah contoh pekerjaan yang **tidak** memerlukan pemeriksaan kesihatan?
- A Polis.
 - B Kerani.
 - C Bomba.
 - D Pramugara.

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Huraikan **dua (2)** jenis perancangan sumber manusia. (6 markah)
- b. Nyatakan **tiga (3)** kegunaan analisis pekerjaan. (6 markah)
- c. Huraikan **tiga (3)** kaedah menganalisis pekerjaan. (6 markah)

SOALAN 2

- a. Berikan definisi inventori kemahiran. (2 markah)
- b. Huraikan inventori sistem manual dan cara penyimpanan maklumat pekerja bagi penggunaan sistem manual. (6 markah)

SOALAN 3

a. Lakarkan model rekabentuk sistem kerja.

(3 markah)

b. Terangkan definisi bagi istilah berikut:

- i. reka bentuk sistem kerja
- ii. pengkhususan kerja
- iii. pembesaran kerja
- iv. pusingan kerja

(8 markah)

c. Senaraikan **tiga (3)** jenis ujian pemilihan.

(3 markah)

[40 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan, jawab **DUA(2)** soalan sahaja.

Jawab dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

a. Organisasi perlu menggunakan teknik tertentu untuk meramal permintaan sumber manusia. Terangkan **dua (2)** istilah berikut:

i. analisis trend.

(5 markah)

ii. analisis nisbah.

(5 markah)

b. Ramalan kualitatif umumnya menggunakan pendapat pakar untuk meramalkan masa depan kakitangan organisasi. Bincangkan **dua (2)** kaedah kualitatif dalam meramal keperluan sumber manusia.

(10 markah)

SOALAN 2

a. Pengecilan organisasi mengakibatkan saiz tenaga kerja semakin berkurangan. Bincangkan **tiga (3)** kebaikan dan **dua (2)** keburukan pengecilan organisasi.

(10 markah)

b. T. Ramayah mendapati pekerja yang mengambil tawaran persaraan awal tidak begitu berpuas hati dengan keputusan mereka. Terangkan **lima (5)** sebab mengapa mereka tidak berpuas hati.

(10 markah)

SOALAN 3

a. Merekrut akan memberi kesan yang besar kepada organisasi termasuklah kos yang dibelanjakan. Bincangkan istilah bagi kaedah merekrut berikut:

- i. melalui mulut ke mulut.
- ii. *formal job posting*.
- iii. hubungan dengan kenalan pekerja.
- iv. internet.
- v. inventori kemahiran.

(10 markah)

b. Pemilihan dan pengambilan pekerja boleh dilaksanakan melalui merekrut dalaman. Bincangkan **dua (2)** kelebihan dan **tiga (3)** kekurangan merekrut dalaman.

(10 markah)

[40 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

